



SUASANA pada lawatan kerja Ketua Menteri ke Kompleks Japerun DUN Bemban.



GURU SRA JAIM Kampung Kesang Tua bergambar bersama Idris dan kepimpinan negeri yang mengadakan lawatan kerja ke sekolah itu, Jumaat lalu.

Pastikan DUN Bemban berada pada kedudukan selesa

Kesejahteraan rakyat jadi keutamaan

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH & LIANA SAHABUDIN

BEMBAN 24 April - Kerajaan Negeri Melaka akan memastikan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bemban sentiasa berada pada tahap kedudukan yang selesa.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, penentuan ini

akan diukur berdasarkan indikator global yang relevan dengan aspirasi rakyat seperti kesejahteraan hidup, keamanan dan juga produktiviti.

Menurutnya, komposisi kependudukan DUN bemban unik kerana ia melibatkan kawasan perkampungan, penempatan Felda, taman perumahan, perindustrian dan industri kecil seder-

hana yang kesemuanya merangkumi 12 kawasan pentadbiran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JK-KK).

Katanya, pembangunan paling ketara dapat dilihat dan nilai ialah projek Bandar Jasin Bestari iaitu projek perumahan bercampur di Bandar Jasin Bestari seluas 203.9 hektar yang sedang dalam

pembinaan ini melibatkan fasa 1 hingga 6 meliputi keluasan pembangunan yang telah diluluskan iaitu seluas 127.1 hektar.

"Ianya terdiri dari 2,136 unit kediaman merangkumi rumah kos sederhana, mewah dan 778 unit premis perniagaan yang masih dalam pembinaan dan sebahagiannya telah diduduki," katanya.

• Lihat muka 7



IDRIS dan Choon Koon mencuba madu kelulut diusahakan Mohd Hafiz di Kampung Tehel.



SEORANG penerima OKU yang menerima bantuan JKM beramah mesra dengan Idris di Japerun Bemban.



IDRIS dan Choon Koon menaiki motosikal melawat Kampung Tehel dalam lawatan kerja beliau ke DUN Bemban.



IDRIS menunjukkan produk makanan sejuk beku milik Habibah di Kampung Tehel.